

CNS6715

U GB 13-10 00215 BB986

aab

MAHATHIR TEMUI AHLI PERNIAGAAN TERKEMUKA DI HONG KONG

Mahathir - Rundingan

Daripada Azman Ujang

I

HONG KONG, 13 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang tiba di sini hari ini, akan menemui para wartawan dunia dan ketua eksekutif syarikat-syarikat antarabangsa semasa lawatan tiga hari ke Hong Kong.

Tiada aturcara rasmi yang di jadualkan untuk Perdana Menteri hari ini tetapi esok, beliau akan berucap kepada kira-kira 1.50 wartawan asing pada majlis makan tengah hari Kelab Wartawan Asing (FCC) dan pada jamuan malam yang dihadiri oleh peniaga utama dan ahli politik kanan yang berada di sini untuk Forum Ekonomi Eropah/Asia Timur.

Hong Kong ialah pusat bagi kumpulan terbesar wartawan asing yang mewakili 200 akhbar, majalah, agensi berita dan pertubuhan media lain dari seluruh dunia.

Presiden FCC Steve Vines memberitahu Bernama bahawa kelab itu telah lama menunggu untuk Dr Mahathir berucap pada majlis ceramah makan tengah harinya dari masanya semasa tetapi ini sukarnya memandangkan kepada kesibukan aturcara Dr Mahathir.

+Oleh itu, apabila kami mendapat tahu bahawa beliau akan datang ke Hong Kong untuk berucap pada Forum Ekonomi Eropah/Asia Timur, kami mengambil kesempatan ini untuk mengundang beliau menjadi tetamu kami dan kami amat berbangga, beliau menerima undangan kami, kata beliau. -- Lagi

▼13/10/17-56MST

CNS672.1

U GB 13-10 00175 BB987

aab

Mahathir - Rundingan 2 Hong Kong

Vines berkata FCC tidak meminta Perdana Menteri berucap berhubung dengan perkara-perkara khusus tetapi, menurut para wartawan, ucapan Dr Mahathir di jangka membayangkan kebimbangan dan pandangan kritikalnya terhadap beberapa isu.

Berlalu berkata semasa sesi soal jawab selepas rundingan, para wartawan asing yang berpusat di sini di jangka meminta penjelasan daripada Perdana Menteri berhubung dengan langkah kerajaan Malaysia baru-baru ini menggalakkan pertubuhan media antarabangsa membuka pejabat di Kuala Lumpur terutama selepas China mengambil alih Hong Kong pada 1997.

Vines berkata lebih banyak pertubuhan berita asing berminat untuk berpindah ke Kuala Lumpur jika pihak berkuasa Malaysia dapat memansuhkan beberapa sekatan bagi memudahkan operasi mereka.

+Walaupun kami berpusat di Hong Kong, kami membuat liputan mencakupi seluruh rantau ini. Wartawan akan berasa bimbang jika beberapa sekatan menyekat pengaliran maklumat secara bebas, kata beliau.

Beliau berkata oleh kerana kerajaan Malaysia bercadang menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat serantau bagi wartawan asing, mereka ingin benar untuk mengetahui sama ada soal mendapatkan permit kerja dapat dipermudahkan. --
Lagi

▼13/10/18-01MST

CNS6748

UGB 13-10 00139' BB989

aab

Mahathir - Rundingan 3 Hong Kong

Dr Mahathir akan berucap kepada kira-kira 380 tokoh korporat dan tokoh politik pada Forum Ekonomi Eropah/Asia Timur.

Forum itu anjuran Forum Ekonomi Dunia Forum yang berpusat di Geneva i tu menggabungkan pemimpin dari sektor perniagaan, kerajaan dan sains untuk kemajuan ekonomi dan sosial.

Menbteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz akan berucap pada forum itu pada Khamis dan Jumaat.

Sebelum majlis ceramah makan tengah hari di FCC, Dr Mahathir akan mengunjungi Gabenor Hong Kong Christopher Patten di Rumah Kerajaan.

Ketibaan Dr Mahathir dan isteri, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamed Ali di Lapangan Terbang Antarabangsa Kai Tak, di sini, telah disambut oleh Pengarah Protokol Hong Kong V.L. Warrington dan Pesuruhjaya Malaysia di sini, Datuk Shahrul Hashri. -- Lagi . .

▼13/10/18-13MST

CNS6752

UGB 13-10 00069 BR990

aab

Mahathir - Rundingan 4 (Akhir) Hong Kong

Malam ini, Dr Mahathir akan menghadiri majlis jamuan malam yang diadakan oleh jutawan Malaysia Robert Kuok, yang berpusat di Hong Kong. Rangkaian perniagaan jutawan itu meliputi Hong Kong, China dan Malaysia.

Perdana Menteri juga akan menemui kakitangan dan anggota keluarga Suruhanjaya Malaysia pada Xhamis sebelum berlepas ke Jepun untuk lawatan seminggu. -- Bernama

▼13/10/18-14MST